

Rakan cintai lelaki berusia

Rancang untuk berkahwin 'si tua' lebih 20 tahun

KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin
Dr Sapora Sipon
rencana@hmetro.com.my

? Saya mempunyai seorang kawan perempuan yang umurnya beberapa tahun lebih tua daripada saya. Dia seorang yang baik hati juga cantik. Anugerah itu menyebabkan ramai lelaki suka kepada-nya.

Sesuatu yang saya tidak gemar mengenai dirinya ialah dia suka kepada lelaki yang sudah berusia.

Kini, dia menjalinkan perhubungan serius dengan seorang lelaki yang jauh lebih tua daripada dengan perbezaan usia hampir 20 tahun. Mereka kini dalam perancangan untuk berkahwin.

Apa pandangan Dr mengenai wanita yang jatuh cinta dengan lelaki yang jauh lebih tua? Saya mempunyai persepsi bahawa lelaki tua yang inginkan wanita muda sebagai seorang yang tidak sedar diri dan gatal. Lagipun, saya takut nanti perkahwinan kawan saya tidak bahagia.

ANTI LELAKI TUA,
Selangor.

! Jelas sekali, cinta tidak mengenal usia dan rupa. Rakan adik mempunyai sebab tersendiri mengapa dia mencintai lelaki yang jauh lebih berumur daripada berbanding lelaki muda.

Menerima dan menghormati percintaan kawan adik dengan lelaki tua itu dengan hati terbuka boleh mengurangkan persepsi negatif. Begitu juga mendoakan kebahagiaan kawan adalah satu kegembiraan dalam hidup seseorang.

Dr menghormati pandangan adik yang berpendapat lelaki tua ingin wanita muda sebagai seorang tidak sedar diri.

Setiap individu mempunyai pandangan tersendiri mengenai perkara ini. Gatal dan tidak sedar diri adalah sifat manusia. Ia boleh wujud pada sesiapa tanpa mengira tua atau muda.

Pandangan Dr terhadap wanita muda yang bercinta atau berkahwin dengan lelaki jauh lebih berumur ialah soal jodoh.

Seperti mana perhubungan lain, jika dua pihak

komited dalam mengharmonikan perhubungan itu, tanpa mengira perbezaan umur, cinta akan mekar dan harmoni.

Ini boleh menjawab kerisauan adik mengenai sama ada rumah tangga kawan adik itu kelak akan menghadapi masalah atau tidak.

Namun, perhubungan sebegini perlu kuat menaikan dugaan kerana pelbagai tanggapan dan tohmahan akan muncul.

Ini kerana percintaan antara wanita muda dengan lelaki yang jauh berumur tidak selalu berlaku walaupun semakin diterima. Perbezaan umur juga boleh menyebabkan perbezaan dari segi minat dan aktiviti sosial.

Kawan sejati adalah kawan yang turut menangis apabila kawan sedih dan tertawa melihat kegembiraan rakannya.

Semoga adik adalah kawan sejati itu dan sentiasa mengharapkan sinar mentari akan menyinari kehidupan kawan adik bersama lelaki tua yang adik anggap sebagai gatal dan tidak sedar diri itu.

Tak cukup duit tampung pelajaran

? Saya mahasiswa sebuah universiti tempatan. Masalah saya adalah berkenaan dengan duit perbelanjaan yang sentiasa tidak cukup.

Meskipun memperoleh pinjaman dan saya mengamalkan sikap berjimat cermat, ia masih tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan saya.

Akhirnya saya terpaksa berkorban dengan bekerja sambilan selama beberapa bulan, sekali gus memberi kesan kepada pengajian saya.

Kini saya buntu Dr, adakah saya mesti bekerja sambilan semula untuk membayar hutang atau fokus kepada belajar semata-mata.

Saya sudah memohon bekerja sambilan. Masalahnya jadual yang dibuat majikan agak padat sehingga mengganggu masa

ulang kaji saya dan rehat. Saya tidak mahu menyusahkan ibu bapa kerana mereka juga susah dan banyak menanggung bebanan lain.

**BUKAN BOROS,
Kuala Lumpur.**

! Masalah kewangan adalah perkara biasa yang dihadapi semua orang terutama apabila diri bergelar pelajar.

Dr memahami perasaan yang adik alami dan masalah ditanggung. Apabila berada dalam situasi ini, adik perlu lebih fokus kepada pengurusan masa yang sangat berkesan kerana ia akan memberi kesan kepada perjalanan kehidupan.

Adik perlu tahu apa yang lebih penting untuk dilakukan. Dari segi masa untuk bekerja juga adik perlu faham pekerjaan apa

yang boleh meringankan beban supaya adik dapat belajar dengan tenang dan bekerja dengan selesa.

Pertama sekali, apa yang Dr boleh bantu ialah adik perlu menguruskan jadual harian dengan baik dan jika perkara ini adik buat, maka pengurusan masa yang lain dapat diatasi dengan tenang.

Kemudian adik harus mencari majikan yang boleh berunding mengenai masa kerja dan pendapatan adik. Berterus-terang dengan majikan mengenai masalah yang adik hadapi dan kesukaran yang perlu ditanggung.

Sememangnya berunding dengan insan yang berupaya untuk membantu adalah perkara paling baik untuk dilakukan.

Adik juga perlu ingat bahawa setiap apa yang dilakukan mestilah mempunyai niat ikhlas untuk

membantu diri adik dan keluarga.

Bagaimanapun, perkara penting yang perlu dilakukan ialah utamakan masa belajar dan sentiasa fokus kepada apa yang adik inginkan.

Akhir kata, bersabarlah dengan setiap dugaan hidup dan percaya pada setiap masalah mesti mempunyai jalan penyelesaian.

Dr yakin setiap apa yang adik lakukan akan mendapat manfaat yang berguna untuk diri dan keluarga. Dr doakan adik terus berusaha untuk mencipta kejayaan.

